

03/03/2001

Pemimpin Pemuda diminta buang imej elit

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pemimpin dan ahli Pergerakan Pemuda Umno peringkat akar umbi mahu kepemimpinan tertinggi pergerakan itu membuang imej elit mereka dan memperhebatkan pendekatan turun padang.

Menurut mereka, teguran Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, serta Ketua Pemuda Umno sendiri, Datuk Hishammuddin Hussein, perlu dipatuhi pemimpin terbabit demi kepentingan perjuangan Umno.

Ketua Pemuda Umno cawangan Pulai dalam bahagian Jasin, Khalid Lambak berkata, Pemuda Umno adalah sayap kepada parti yang berkhidmat untuk semua peringkat masyarakat.

Katanya, sewajarnya barisan Exco Pemuda turun ke bawah meninjau masalah rakyat, bukannya menonjolkan diri sebagai kelompok elit dan kaya.

"Kekuatan politik Umno bergantung kepada sokongan masyarakat luar bandar. Saya harap bukan Exco Pemuda saja, tetapi Pemuda Umno negeri, bahagian dan cawangan perlu terbabit secara langsung dengan pembangunan rakyat," katanya.

Ketua Pemuda Umno cawangan Panchor dalam bahagian Selandar, Johari Ibrahim, berkata pimpinan Pemuda jangan terlalu sibuk mengejar jawatan sehingga terlupa amanah rakyat iaitu berkhidmat kepada mereka.

Katanya, mereka yang tidak turun ke bawah kebanyakan merebut jawatan untuk kepentingan peribadi sehingga sanggup duduk di ibu kota dan akan balik ke bahagian atau cawangan apabila ada pemilihan.

Semalam, Najib dilaporkan berkata Pemuda Umno perlu membuang imej sebagai pergerakan elit dengan memperhebatkan pendekatan turun padang mendampingi rakyat luar bandar, khususnya golongan muda.

Katanya, barisan Exco sayap kanan parti mesti mencerminkan komitmen dan etika kerja yang kuat kerana Umno mahu suasana mesra rakyat terus menjadi teras perjuangan.

Di IPOH, Ketua Pergerakan Pemuda Bahagian Ipoh Timur, Ahmad Shamsul Bahrin Mohammed, berkata pemimpin Pemuda perlu menumpukan perhatian kepada perjuangan pergerakan itu.

Beliau berkata, pesanan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya pemimpin mengutamakan akar umbi sepatutnya menjadi pegangan pergerakan itu.

Ketua Pergerakan Pemuda Bahagian Tanjung Malim, Mohd Khusairi Abdul Talib, pula berkata pemimpin Pemuda perlu mengambil pendekatan menghampiri akar umbi selepas 'diserang' dari pelbagai sudut sekarang.

Di JOHOR BAHRU, Pengerusi Biro Latihan dan Teknologi Pergerakan Pemuda Umno Pulai, Yusaini Ali, berkata imej elit Pemuda menyebabkan lahirnya pemimpin politik atasan, bukannya pemimpin masyarakat yang dihormati rakyat.

"Kalau pemimpin elit, rakyat pun takut nak dekat," katanya.

Ketua Pemuda Umno cawangan Sungai Danga, Mohd Yunus Malek, pula berpendapat pemimpin Pemuda kini lebih menjaga perwakilan yang bertanggungjawab memilih mereka menjadi ketua daripada kepentingan rakyat.

Di GEORGETOWN, Ketua Pemuda Umno Cawangan Sungai Nibong Kecil Bayan Baru, Ahmad Zaini Hassan, berkata program kemasyarakatan membabitkan Pemuda, terutama di luar bandar perlu diperbanyakkan supaya mereka dapat mendampingi rakyat.

"Jika Pemuda masih menebal dengan sikap ego, termasuk enggan turun padang dan masuk kampung, kecuali ketika memancing undi, pergerakan itu pasti sukar menarik minat golongan muda," katanya.

Di KUANTAN, Ketua Umno Cawangan Indera Mahkota Tujuh, Khairuddin Ibrahim, berkata Pemuda perlu mengamalkan sikap turun padang untuk menemui ahli peringkat akar umbi kerana di situlah asal mereka.

(END)